

MPPP lancar sistem baharu mudahkan permohonan

2 Januari 2015



GEORGETOWN - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) hari ini melancarkan sistem pengurusan pelan bangunan secara dalam talian bagi memudahkan arkitek membuat permohonan.

Exco Kerajaan Tempatan, Kawalan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir Negeri Chow Kon Yeow berkata sistem itu direka Mesiniaga dan menjalani tempoh percubaan selama setahun sebelum dilancarkan.

"Sebelum ini MPPP menghadapi kekangan untuk memantau proses permohonan pelan bangunan, mengumpul statistik pembangunan dan menyampaikan perkhidmatan memproses pelan pembangunan dengan telus dan berkesan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran sistem itu di sini hari ini.

Kon Yeow berkata, MPPP juga menerima aduan daripada peserta industri tentang masalah proses kelulusan pelan pembangunan mengambil masa yang lama, tidak dapat mengetahui status permohonan masing-masing serta lewat dimaklumkan tentang keputusan permohonan.

"Sistem ini dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan dan proses pelan dapat disingkatkan sekali gus meningkatkan kecekapan MPPP dan perkhidmatan kepada para Orang Utama yang Mengemukakan (PSP)," katanya.

Kon Yeow berkata sistem ini juga dapat mencapai sasaran 37 hari pemprosesan pelan bangunan seperti yang ditetapkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Beliau berkata MPPP masih menerima permohonan secara penghantaran di kaunter bagi tempoh enam bulan sehingga Jun tahun ini dan selepas itu semua permohonan akan diproses dalam talian. - Bernama